

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(X)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

16. Adakah kerajaan sedar akan pertambahan pesat industri kitar semula plastik di Seberang Perai?
- (a) Betulkah sampah plastik ini dibawa masuk dari negara China?
  - (b) Apakah sebenarnya industri ini dan kaedah pemrosesannya?
  - (c) Apakah tindakan terhadap industri - industri yang menyebabkan pencemaran udara dan bau ini?.

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri mengambil perhatian yang serius berhubung isu industri kitar semula sisa plastik di kawasan Seberang Perai.
- (a) Negara China merupakan salah satu negara pengeksport sisa plastik dengan kod tarif HS 3915 ke Malaysia.
  - (b) Industri ini memproses sisa plastik yang diimport menjadi resin atau empingan (*flakes*) melalui proses *extrusion* dan *crushing*. Kaedah pemrosesan industri plastik kitar semula adalah seperti berikut:-
    - (i) Sampah plastik terpakai akan dicuci terlebih dahulu daripada kotoran. Sekiranya terdapat sampah lain di dalam

sampah plastik tersebut, ianya akan diasingkan dan dilupuskan di tapak pelupusan;

- (ii) Sampah plastik yang telah dicuci akan dihancurkan dan dimasukkan ke dalam suatu bekas untuk dileburkan atau dimasak;
  - (iii) Plastik yang telah dileburkan atau dimasak akan dialirkan ke dalam acuan dan disejukkan dengan menggunakan air; dan
  - (iv) Plastik yang telah disejukkan akan dipotong menjadi resin atau empingan dan dibungkus untuk dieksport semula atau dipasarkan kepada kilang-kilang tempatan yang menjalankan aktiviti pengilangan produk plastik.
- (c) Sebarang operasi yang menyebabkan pencemaran akan diambil tindakan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Walaubagaimanapun pencemaran bau busuk yang tidak mempunyai had/standard seperti bau busuk organik tidak dapat diambil tindakan di bawah AKAS 1974 kerana tiada standard khusus bau di bawahnya. Oleh itu, ianya akan dirujuk kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk diambil tindakan di bawah kacau ganggu Akta Kerajaan Tempatan.